



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menyediakan perkhidmatan seperti berikut :

Bil	No. Tender	Tajuk Tender	Syarat	Tarikh Tutup Tender
1.	MAIPK/BKP/P/SH/345/2026	PEROLEHAN PERKHIDMATAN PELAN INSURAN PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKELOMPOK UNTUK PEKHIDMAT MAIPK, GURU QURAN DAN MUBALIGH BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN	<u>Bumiputera</u> <u>Berdaftar Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</u> <u>Kod Bidang Pendaftaran</u> i) 221801: Syarikat Insuran (Perlu Lesen Bank Negara); atau ii) 221802: Broker Insuran (Perlu Lesen Bank Negara) <u>Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia</u>	Tarikh : 15/09/2026 Hari : Selasa Jam : 12.00 PM

2. Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang sijil) hendaklah dikemukakan semasa pembelian dokumen Tender.

3. Dokumen Tender boleh diperolehi dengan membuat bayaran berjumlah **RM30.00 senaskah** kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak menerusi dua (2) saluran pembayaran seperti berikut:

(a) Pembayaran secara Tunai/ Cek/ Bank Draft/ Kad Kredit/ Kad Debit boleh dilaksanakan di Kaunter Kutipan di Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak. Dokumen Tender akan diserahkan kepada pihak Syarikat / Wakil setelah pembayaran dilaksanakan.

(b) Pembayaran secara atas talian (Pindahan Dana Elektronik/ *IBG Transfer*) boleh dilaksanakan terus ke dalam akaun Bank Islam MAIPK (**08-013-0100-18870**). Maklumat pembayaran berserta Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat daripada Kementerian Kewangan bersama-sama dengan **Nama Syarikat, Alamat Syarikat, Nombor Telefon Syarikat** dan **Alamat Emel Syarikat** hendaklah dikemukakan menerusi emel ke kewangan@maipk.gov.my. Dokumen Tender berserta Resit Rasmi akan diemel ke Alamat Emel Syarikat yang dinyatakan.

4. Dokumen Tender yang telah diisi lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bersaiz A4 dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disediakan di **Tingkat 1, Kaunter Hasil (Bayaran Zakat), Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak** sebelum atau pada hari **Selasa, 15 September 2026 Jam 12.00 tengah hari**.

5. MAIPK tidak terikat kepada Tender yang terendah atau mana-mana Tender.

6. MAIPK tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau pun masalah lain di pihak syarikat/ pembekal sekiranya tidak dapat mengemukakan dokumen Tender pada tempoh masa yang ditetapkan.

7. Dokumen Tender yang lewat diterima oleh MAIPK tidak layak dipertimbangkan dan sebarang kesilapan dalam pengisian dokumen juga tidak akan dilayan.

8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

TARIKH DIKLANKAN : 07 SEPTEMBER 2026